

Latihan 14

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, tukarkan **ayat aktif** di bawah kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengiktiraf usaha yang berterusan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Penubuhan Kelab Doktor Muda di sekolah melahirkan generasi baharu yang sihat dan cergas. Wakil Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memuji Kelab Doktor Muda sebagai program kesihatan yang paling berjaya dilaksanakan. Profesor Don Nutbeam mengakui program yang dijalankan memberikan kesan terbaik daripada aspek kesihatan. Beliau turut menilai keberkesanan Program Kelab Doktor Muda yang telah diwujudkan sejak 1989. Program ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas kesihatan. Murid sekolah rendah dan menengah menyertai Kelab Doktor Muda dalam aktiviti kokurikulum. Mereka menjalankan pelbagai aktiviti yang menarik sepanjang tahun. Program ini membantu mereka menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang berkaitan. Pejabat Kesihatan Daerah memberikan mereka peluang untuk mengikuti kursus. Mereka menerima pendedahan awal daripada pegawai kesihatan yang bertaauliah bagi memupuk minat.

Dipetik dan diubah suai daripada
WHO Iktiraf Kelab Doktor Muda di Malaysia
Promosi Agenda Kesihatan di Sekolah-sekolah
Majalah Pendidik Bil. 103/ 2016

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____
- (v) _____
- (vi) _____
- (vii) _____
- (viii) _____
- (ix) _____
- (x) _____
- (xi) _____